

# Tun M bakal Presiden Putra?

**PETALING JAYA:** Bekas Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah sah menyertai Parti Bumi-putera Perkasa Malaysia (Putra) bakal mengambil alih kepimpinan parti dan dilantik sebagai Presiden menerusi rombakan yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Presiden Putra, Datuk Ibrahim Ali akan menyerahkan jawatannya dan kini sedang menyusun atur untuk memastikan peralihan jawatan kepimpinan yang baharu dapat direalisasikan.

Ini juga sekali gus menjawab persoalan mengapa Dr. Mahathir baru-baru ini diangkat sebagai 'ahli nombor satu' Putra yang sebelum ini dipegang oleh Ibrahim.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Ketua Pejuang Wilayah Persekutuan yang kini ahli Putra, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan berkata, beliau diberitahu yang Ibrahim kelmarin telah memaklumkan-nya supaya mencari tarikh dan masa sesuai untuk mengadakan mesyuarat Dewan Tertinggi parti untuk berbincang mengenai peralihan jawatan serta membentuk barisan kepimpinan baharu.

"Segala-galanya nanti akan dibincang dalam Dewan Tertinggi parti, dan saya rasa kaedah atau tindakan selanjutnya bergantung

kepada mesyuarat tersebut kerana kami perlu meminta pandangan semua pihak.

"Bercakap tentang Ibrahim, beliau adalah tokoh pemimpin dan penyokong tegar Dr. Mahathir. Beliau sendiri beritahu saya mahu membuat pengorbanan dengan memberi satu saluran berdaftar kepada beliau.

"Ini kerana, Ibrahim yakin dengan mutu kepemimpinan Dr. Mahathir dan mampu meluaskan lagi pengaruh parti, sebab itu beliau mahu serah jawatan. Jadi, apabila Dr. Mahathir merombak semula parti, Ibrahim cakap akan terima apa sahaja jawatan, asalkan dapat beri sumbangan dan berjuang bersama," katanya ketika dihubungi semalam.

Semasa sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Kad Keahlian dan Watikah Penasihat Putra di Putrajaya, Rabu lalu, Putra mengangkat Dr. Mahathir sebagai ahli nombor satu. Pada masa sama, Timbalan Presiden Putra, Mohd. Khalid Yunus turut memberitahu bahawa Ibrahim sendiri sedia menyerahkan jawatan itu.

Pimpinan parti dijadual mengadakan mesyuarat agung bahagian 7 Mac ini diikuti persidangan perwakilan peringkat pusat pada 7 Mei dan pemilihan barisan kepemimpinan pula dicadangkan pada 8 April ini.